

People are asked to vote for the beautiful river project

Kategori: [Archive](#) Published: Oct 04, 2022

2 - Metro Harian - Tuesday, July 05, 2011

Orang ramai diminta undi projek sungai cantik

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka petang kepada orang ramai untuk mengundi bahagian dalam proses pemilihan pemenang pertandingan jalan indah projek Sungai Nadi Kehidupan sejak usaha memastikan projek ini dilaksanakan secara berkesan dan berjaya. Pertandingan yang dianjurkan pada 12 April lalu itu memperuntukkan 20 peratus kuota keputusan daripada hasil undian orang ramai di laman web rasmi projek tersebut iaitu www.riverlife.com.my.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata langkah itu selaras hasrat memastikan pengiridahan dan pembangunan dua sungai yang diberi tampuan, Sungai Klang dan Sungai Gombak mendapat sokongan penuh semua pihak melalui pemilihan reka bentuk pengiridahan dan pembangunan terbaik secara bersama.

Menurutnya, ketika ini, lima daripada 20 komadun telah dipilih sebagai finalis dan pengundi bebas memilih reka bentuk paling digemari, namun 80 peratus masih berdasarkan keputusan juri.

"Sebaik pemenang diumumkan, kami sudah boleh memulakan kerja bagi dua



LEBIH INDAH... Ahmad Fuad bersama wakil DBKL, Hajah Zainab Ghazali melihat jalan Sungai Nadi Kehidupan.

komponen projek ini iaitu pengiridahan dan pembangunan. Bagi pembereskan, dari semasa ke semasa kami sentiasa melakukannya.

"Undian akan ditutup pada 28 Julai ini dan pemenang akan diumumkan pada 31 Julai ini atau seawal Isnin, 1 Ogos depan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Sungai Nadi Kehidupan di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Dalam perkembangan berikutan, Ahmad Fuad berkata, pihaknya akan memulakan sebak mungkin RM4 bilion peruntukan keriaan untuk projek berkenaan.

"Seperti diberitahu sebelum ini, objektif projek ini untuk membersihkan dan memungut kitaran tahap kualiti air di sepanjang 100 kilometer (km) dua sungai terbahari menjelang 2025.

"Justeru, penanlukan ini di-

harapkan untuk menjadikan sungai ini setanding bandar raya di negara maju seperti London dan Paris," katanya.

Projek Sungai Nadi Kehidupan antara pelaksanaan dan perubahan yang dilakukan di bawah Program Transformasi Ekosistem (GITEP) membabitkan Bidang Ekosistem Utama Negara (NEEA) yang akan membangunkan kawasan tepian air khususnya Sungai Klang dan Sungai Gombak.